



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Macau Scam catat kerugian RM13 juta
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 5 January 2020

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Macau Scam catat kerugian RM13 juta



SELAMAT BERTUGAS... DSP Othman Sulaiman menyerahkan dokumen kepada DSP Bingkok John selaku Ketua Polis Daerah Sri Aman yang baharu sambil disaksikan oleh Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah di sini semalam.

.....
VALENTINE NGUMBANG

SIMANGGANG: Sindiket penipuan melalui panggilan telefon atau 'Macau Scam' adalah merupakan kes jenayah yang mencatat jumlah kerugian tertinggi dalam negeri ini sepanjang tahun lepas.

Ia terbukti apabila sejumlah RM13 juta kerugian direkod bagi 140 kes Macau Scam yang dilaporkan berlaku pada tempoh itu kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kontinjen Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah.

"Kita juga turut bertindak menangkap seramai 60 orang individu yang terlibat dalam kegiatan sindiket ini sama ada yang menjadi keldai akaun, ahli sindiket serta individu yang merekrut individu lain sebagai penipu.

"Antara taktik penipuan mereka penemuan kad pengenalan mangsa dalam parcel pejabat pos, pengubahan wang haram atau tindakan

sita harta oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuhan Malaysia (SPRM) dan seterusnya mengarah mangsa membuka akaun baharu bersama nombor telefon rujukan daripada mereka bagi tujuan pengeluaran wang," katanya.

Mustafa berkata demikian ketika ditemui media selepas tamat Majlis Serah Tugas Jawatan Ketua Polis Daerah Sri Aman yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sri Aman semalam.

Selain Macau Scam, kes jenayah Pinjaman Tidak Wujud kata beliau juga adalah merupakan kes penipuan yang merekodkan jumlah mangsa tertinggi di Sarawak pada tahun lepas iaitu RM2.3 juta melibatkan seramai 210 orang mangsa.

"Justeru, saya berharap agar orang ramai lebih berhati-hati ketika menjawab panggilan telefon daripada nombor yang tidak dikenali dan segera membuat aduan kepada pihak polis jika berasa syak terhadap panggilan berkenaan," ujarnya.

Terdahulu, majlis serah tugas berkenaan menyaksikan Deputi Superintenden (DSP) Bingkok John telah menjadi Ketua Polis Daerah Sri Aman yang baharu berkuatkuasa semalam bagi menggantikan DSP Othman Sulaiman.

DSP Othman Sulaiman telah berpindah tugas ke IPD Daerah Lundu untuk menjadi Ketua Polis yang baharu di situ setelah berkhidmat sebagai Ketua Polis Daerah di Sri Aman ini selama empat tahun.

Manakala itu DSP Bingkok John sebelum ini pula adalah merupakan Timbalan Ketua Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak sebelum berpindah tugas ke sini untuk menjadi Ketua Polis Daerah Sri Aman yang baharu.

Turut berlangsung adalah Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) IPD Sri Aman di antara Saniah Henry dan Theresa @ Sanggau Giang.